

Sekolah agama juara pertandingan saintis muda


HASIL inovasi menghasilkan serbuk bahan pewarna masakan nasi kerabu menggunakan tumbuhan herba telah melayakkan lima pelajar perempuan tingkatan empat Sekolah Agama Menengah Tinggi Sultan Hishamuddin (SAMTSH) dinobatkan juara Pertandingan L'oreal Saintis Muda di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Guru Penasihat Projek sekolah itu, Che Azwira Che Aziz berkata, daya kreativiti mereka menjadikan bunga telang iaitu sejenis tumbuhan herba yang hanya terdapat di negeri Kelantan sebagai serbuk bahan pewarna masakan telah menarik minat juri sekali gus diumumkan juara untuk merangkul wang tunai RM3,000.

"Kami bangga terpilih sebagai pemenang pertandingan ini dan mampu memberi saingan yang hebat kepada sekolah menengah lain walaupun SAMTSH aliran agama," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di SAMTSH, Klang, Selangor baru-baru ini.

Projek pertandingan itu yang diberi nama *Blue Pea Powder* disiapkan dalam masa sebulan oleh Erna Laila Mohd. Shaher, Khairul Nisa Ishak, Aina Syairah Zakaria, Syazwa Azirah Rahmat dan Nur Amirah Zainal.

Menurut Che Azwira, bunga telang digunakan untuk menghasilkan warna biru nasi kerabu dan kandungannya bersih daripada bahan kimia berbanding bahan pewarna nasi kerabu sedia ada dijual

 Kami bangga terpilih sebagai pemenang pertandingan ini dan mampu memberi saingan yang hebat kepada sekolah menengah lain walaupun SAMTSH aliran agama

CHE AZWIRA CHE AZIZ
Guru Penasihat Projek SAMTSH

di pasaran.

"Bagi memudahkan proses penyediaan makanan berkenaan, kami melakukan beberapa kajian sebelum mendapati bunga ini boleh digunakan dalam bentuk serbuk selain mampu disimpan lama.

"*Blue Pea Powder* dihasilkan adalah untuk memudahkan penghuni rumah yang tinggal di rumah pangsa dan mereka yang tinggal di luar negara mudah mendapatkan produk ini," jelasnya.

Pertandingan L'oreal Saintis Muda disertai enam sekolah menengah berprestasi tinggi dengan mengemukakan 12 projek dan menguji pesertanya dari segi rekaan saintifik yang menumpu dalam penggunaan teknologi terkini bagi memudahkan urusan seharian.

Tempat kedua pertandingan itu disandang Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tengku Ampuan



PASUKAN Sekolah Agama Menengah Tinggi Sultan Hishamuddin meraikan kejayaan mereka selepas diumumkan juara pertandingan L'oreal Saintis Muda di UPM Serdang, Selangor baru-baru ini.

Rahimah, Klang yang meraih RM2,000 manakala SMK Jalan Empat pula membawa pulang RM1,000 selaku pemenang tempat ketiga.

Hadiah disampaikan Pengarah Urusan L'oreal Malaysia, Andrew Stanleick sambil disaksikan Timba-

lan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UPM, Profesor Datin Paduka Dr Aini Ideris.

Sementara itu, Andrew berkata, objektif pertandingan tersebut adalah untuk mengembangkan potensi dan kemahiran saintifik pelajar ke

peringkat lebih tinggi.

"Pertandingan ini juga sebagai platform kepada pelajar untuk mempamer hasil kajian generasi muda selain dapat menggalakkan minat pelajar terhadap manfaat sains," katanya.